

# SYARAT KEMASUKAN 2022/2023

## FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI

### ❖ **UL6620001 – IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS PETERNAKAN) DENGAN KEPUJIAN**

Tempoh Pengajian: 8 Semester (4 tahun)

Program Sains Peternakan adalah salah satu kunci kepada pengembangan industri asas tani di Malaysia. Industri ternakan telah bertapak di negara kita dan telah memberi sumbangan besar dalam pembangunan ekonomi. Haiwan ruminan seperti lembu dan kambing dan haiwan akuatik seperti ikan dan pelbagai krustasea mempunyai potensi untuk dikembangkan. Pelajar di dedahkan kepada pelbagai sektor peternakan, pembiakbakaan, aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan haiwan dan kemahiran untuk meneroka industri baru berdasarkan haiwan seperti yang dinyatakan dalam Dasar Pertanian Nasional. Selari dengan teras UMK sebagai universiti keusahawanan, pelajar juga diterapkan elemen keusahawanan. Program ini bermatlamat untuk menghasilkan graduan yang dapat menggunakan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka dalam penternakan dan meningkatkan pengetahuan melalui penyelidikan dan pengembangan. Graduan tersedia masa hadapan mampu menganalisis isu-isu semasa, mencari penyelesaian, membuat keputusan yang kreatif dan inovatif ketika menangani masalah dan mempunyai tanggungjawab sosial dan beretika.

#### **PROSPEK KERJAYA**

Pensyarah di Institut Pengajian Tinggi dan Politeknik, Penyelidik/Pegawai Pertanian/Peternakan, Pegawai Alam Sekitar, Pegawai di pelbagai Agensi Kerajaan dan badan Berkanun, Usahawan dalam sektor ekosistem agro, Pengurus syarikat penternakan, Pengurus ladang, Penyelia ladang, Eksekutif muda ladang, Pengurus/Penyelia kilang pembuatan makanan haiwan, Pengurus/Penyelia kilang pembuatan makanan berasaskan haiwan.

### ❖ **UL6621001 – IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (AGROTEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN**

Tempoh Pengajian: 8 Semester (4 tahun)

Program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Agroteknologi) dengan Kepujian adalah kunci utama kepada pengembangan industri asas tani di Malaysia sejajar dengan Dasar Pertanian negara dan Dasar Makanan Negara kerana pelajar memperolehi pemahaman mengenai sistem pengeluaran tanaman untuk kelestarian industri pertanian seperti prinsip asas pertanian, teknologi mampan, ekonomi dan perniagaan untuk meningkatkan pengeluaran dan jaminan makanan negara. Di samping itu, program ini juga menekankan penilaian interaksi agro-persekitaran dan merangka strategi pengurusan alam sekitar serta menguruskan pertanian lestari. Program ini juga mempromosikan pertanian persis dan moden bagi meneroka sumber bekalan makanan dari sumber semula jadi yang lestari, memaksimumkan hasil bagi meningkatkan kecekapan dalam menguruskan kos pertanian. Pelajar juga digalakkan untuk berinteraksi dengan pelbagai agensi yang berkaitan dengan pertanian, syarikat swasta dan pemegang taruh utama iaitu petani di Malaysia dan antarabangsa. Selari dengan teras UMK sebagai universiti keusahawanan, pelajar juga diterapkan elemen keusahawanan. Program ini bermatlamat untuk menghasilkan graduan yang dapat menggunakan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka dalam pertanian dan meningkatkan pengetahuan melalui penyelidikan dan pengembangan. Graduan tersedia masa hadapan mampu menganalisis isu-isu semasa, mencari penyelesaian, membuat keputusan yang kreatif dan inovatif ketika menangani masalah dan mempunyai tanggungjawab sosial dan beretika.

#### **PROSPEK KERJAYA**

Pensyarah di Institut Pengajian Tinggi dan Politeknik / Pegawai Penyelidik / Pegawai Pertanian / Pegawai di Jabatan Perikanan / Ahli Kaji Persekitaran / Pegawai di pelbagai Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun / Pegawai Tadbir dan Diplomatik / Pegawai Perlindungan Alam Sekitar / Pegawai Sains / Usahawantani/ Pengurus Syarikat Penternakan / Pengurus Ladang / Pengusaha Benih Kultur Tisu / Pengusaha Agroteknologi / Pemprosesan Makanan / Menubuhkan syarikat sendiri

## ❖ **UL6540001 – IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (PEMBANGUNAN PRODUK) DENGAN KEPUJIAN**

**Tempoh Pengajian: 8 Semester (4 tahun)**

Program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian adalah program berasaskan teknologi yang ditawarkan kepada pelajar yang berminat untuk mempelajari pelbagai aspek pembangunan produk agro bermula dari penyelidikan saintifik ke atas bahan mentah dan teknologi pemprosesan hingga ke produk sedia untuk dipasarkan yang melibatkan rekabentuk produk, pembungkusan dan pelabelan, pendaftaran produk serta pengurusan. Struktur program memberikan penekanan dalam melahirkan graduan serba boleh yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menghasilkan inovasi terhadap produk agro terutamanya produk makanan dan minuman, serta produk bukan makanan seperti kosmetik dan sisa agro yang memenuhi keperluan semasa, berkualiti, selamat dan menepati standard pengkomersilan. Pelajar dari program ini didedahkan dan dilatih dengan pelbagai kemahiran keusahawanan seperti kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan kepimpinan bagi membantu mereka menubuhkan perniagaan sendiri. Pengetahuan dan kemahiran dalam pembangunan produk agro juga diakui sebagai salah satu kemahiran pekerjaan kritikal negara yang boleh membuka peluang pekerjaan yang lebih luas dalam sektor awam dan swasta. Selari dengan teras UMK sebagai universiti keusahawanan, pelajar juga diterapkan elemen keusahawanan. Program ini bermatlamat untuk menghasilkan graduan yang dapat menggunakan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka dalam pertanian dan meningkatkan pengetahuan melalui penyelidikan dan pengembangan. Graduan tersedia masa hadapan mampu menganalisis isu-isu semasa, mencari penyelesaian, membuat keputusan yang kreatif dan inovatif ketika menangani masalah dan mempunyai tanggungjawab sosial dan beretika.

### **PROSPEK KERJAYA**

Pegawai Jaminan Kualiti/Pegawai Kawalan Kualiti/Pegawai Teknikal dan Pembuatan/Pegawai Pembangunan Produk/ Pegawai Pemprosesan Produk Agro atau Makanan/ Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan Produk/ Usahawan Produk Agro/Pegawai Sains/Pegawai Penyelidik/ Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi/ Pegawai di Sektor Awam seperti MARDI, JAKIM (Pensijilan Halal) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

## ❖ **UL6541001 – IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (JAMINAN MAKANAN) DENGAN KEPUJIAN**

**Tempoh Pengajian: 8 Semester (4 tahun)**

Program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Jaminan Makanan) dengan Kepujian adalah program ijazah sarjana muda pertama dan satu-satunya yang ditawarkan di Malaysia seumpamanya, bagi mempersiapkan graduan untuk menguruskan isu sekuriti makanan secara holistik. Reka bentuk program ini selaras dengan Dasar Keselamatan Makanan Malaysia bertujuan memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi dan berterusan untuk negara ini. Program ini bertujuan untuk mendidik graduan dengan kemahiran saintifik, pemikiran keusahawanan dan mempersiapkan graduan sebagai seorang profesional dan kompeten dalam bidang pelbagai disiplin. Graduan dalam program ini diberi pendedahan lengkap mengenai aspek hulu dan hilir dalam sektor agroteknologi. Program ini merangkumi bidang agroteknologi, sains haiwan, akuakultur dan makanan dalam satu program. Ini membolehkan pelajar memperoleh pemahaman mengenai tanaman dan sistem pengeluaran haiwan untuk kelestarian sumber makanan di Malaysia. Selain itu, graduan di dedahkan dengan teknologi terkini dalam pemprosesan makanan dan keupayaan untuk mengubah sumber makanan menjadi produk makanan mempunyai nilai tambah yang tinggi. Selari dengan teras UMK sebagai universiti keusahawanan, pelajar juga diterapkan elemen keusahawanan. Program ini bermatlamat untuk menghasilkan graduan yang dapat menggunakan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka dalam pertanian dan meningkatkan pengetahuan melalui penyelidikan dan pengembangan. Graduan tersedia masa hadapan mampu menganalisis isu-isu semasa, mencari penyelesaian, membuat keputusan yang kreatif dan inovatif ketika menangani masalah dan mempunyai tanggungjawab sosial dan beretika

### **PROSPEK KERJAYA**

Pegawai Teknologi Makmal/ Pegawai Pertanian/ Penyelidik di universiti-universiti dan institusi penyelidikan/ Pegawai Kawalan Kualiti/ Pegawai Jabatan Perikanan/ Pegawai Sains/ Pegawai di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani/ Penolong Pengurus Projek/ Pengurus Syarikat Perladangan/ Pengurus Syarikat Penternakan Haiwan/ Usahawantani/ Eksekutif Pemasaran

BIL	KOD UPU	PROGRAM PENGAJIAN	
1	UL6620001	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS PETERNAKAN) DENGAN KEPUJIAN	
2	UL6621001	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (AGROTEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN	
3	UL6540001	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (TEKNOLOGI PEMBANGUNAN PRODUK) DENGAN KEPUJIAN	
4	UL6541001	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (JAMINAN MAKANAN) DENGAN KEPUJIAN	
MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI SERTA SYARAT KHAS PROGRAM			
STPM	MATRIKULASI	STAM	DIPLOMA
<p><b>STPM Aliran Sains</b></p> <p>Mendapat minimum PNGK 2.00</p> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat minimum Gred C pada peringkat STPM dalam mana-mana SATU (1) daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Biology</i></li> <li>• <i>Physics</i></li> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Mathematics</i> (T);</li> </ul> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat minimum Tahap 2 (<i>Band 2</i>) dalam <i>Malaysian University English Test</i> (MUET).</p> <p><b>STPM Aliran Sastera</b></p> <p>Mendapat minimum PNGK 2.00</p> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat minimum Gred C pada peringkat STPM dalam mana-mana SATU (1) daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Mathematics (M)</i></li> <li>• Ekonomi</li> <li>• Pengajian Perniagaan</li> <li>• Sains Sukan;</li> </ul> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat minimum Gred D pada peringkat SPM dalam mana-mana SATU (1) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fizik</li> <li>• Kimia</li> <li>• Biologi</li> <li>• Matematik Tambahan;</li> </ul> <p><b>atau</b></p> <p>Mendapat minimum Gred C pada peringkat SPM dalam mana – mana DUA (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sains</li> <li>• Sains Tambahan</li> <li>• Matematik</li> <li>• Sains Pertanian</li> <li>• Pengajian Agroteknologi</li> <li>• Pertanian</li> <li>• <i>Applied Science</i></li> <li>• Pemprosesan Makanan</li> <li>• Landskap dan Nurseri</li> <li>• Akuakultur dan Haiwan Rekreasi</li> <li>• Tanaman Makanan</li> <li>• Kejenteraan Pertanian</li> <li>• Pemprosesan Hasil Pertanian</li> <li>• Kejenteraan Ladang</li> <li>• Pengurusan Ladang</li> <li>• Pengeluaran Tanaman</li> <li>• Pengeluaran Ternakan</li> <li>• Hortikultur Landskap dan Hiasan</li> </ul> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat Sekurang-Kurangnya MUET Band 2.0 Untuk Keputusan Yang Diperolehi Mulai Sesi 1 Tahun 2021 Dan MUET Band 2 Untuk Keputusan 2020 Dan Sebelum</p>	<p>Mendapat minimum PNGK 2.00</p> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam mana-mana SATU (1) daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Chemistry</i></li> <li>• <i>Mathematics</i></li> <li>• <i>Physics</i></li> <li>• <i>Biology</i></li> <li>• <i>Physics (Engineering)</i></li> <li>• <i>Chemistry (Engineering)</i></li> <li>• <i>Basic Engineering</i>;</li> </ul> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat Sekurang-Kurangnya MUET Band 2.0 Untuk Keputusan Yang Diperolehi Mulai Sesi 1 Tahun 2021 Dan MUET Band 2 Untuk Keputusan 2020 Dan Sebelum</p>	<p><b>TIDAK DITAWARKAN</b></p>	<p>Mendapat minimum PNGK 2.50</p> <p><b>dan</b></p> <p>Memiliki Diploma dalam bidang berkaitan dari Institusi yang diiktiraf oleh kerajaan, MQA dan diperakukan oleh Senat UMK;</p> <p><b>atau</b></p> <p>Memiliki kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oleh Senat UMK;</p> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat Sekurang-Kurangnya MUET Band 2.0 Untuk Keputusan Yang Diperolehi Mulai Sesi 1 Tahun 2021 Dan MUET Band 2 Untuk Keputusan 2020 Dan Sebelum</p> <p><b>Nota:</b></p> <p>Dibuka kepada Diploma DVM / DKM / DLKM</p> <p><b><u>DIPLOMA TVET (DKM/ DLKM/ DVM)</u></b></p> <p>Mendapat minimum PNGK 2.50</p> <p><b>dan</b></p> <p>Memiliki Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dalam bidang berkaitan dari Institusi yang diiktiraf oleh kerajaan, MQA dan diperakukan oleh Senat UMK;</p> <p><b>dan</b></p> <p>Mendapat Sekurang-Kurangnya MUET Band 2.0 Untuk Keputusan Yang Diperolehi Mulai Sesi 1 Tahun 2021 Dan MUET Band 2 Untuk Keputusan 2020 Dan Sebelum</p>

BIL	KOD PROGRAM	KATEGORI KEMASUKAN					
		STPM		MATRIKULASI/ ASASI		STAM	DIPLOMA/ SETARAF
		Sains	Sastera	Sains	Sastera		
1	UL6620001	✓	✓	✓	×	×	✓
2	UL6621001	✓	✓	✓	×	×	✓
3	UL6540001	✓	✓	✓	×	×	✓
4	UL6541001	✓	✓	✓	×	×	✓